



RADIAH menghadihkan pingat gangsa menerusi acara lompat jauh wanita T20 dengan rekod baharu Sukan Para Asia menerusi lompatan sejauh 5.20m, mengatasi catatan rekod lama 5.10m.

RIDZUAN memecah kebuntuan pingat emas negara apabila mengungguli acara 100m T36 lelaki dengan catatan 12.07s.

Rangkul tiga pingat emas, satu gangsa di Rio

## Atlet paralimpik lakar sejarah tersendiri

Kosmo  
2019116  
ms 51

acara lompat peluru  
F20 lelaki dengan jarak  
lontaran 16.84m.

LATIF menyumbang emas ketiga  
negara dalam acara lompat jauh T20  
lelaki dengan jarak lompatan 7.60m.

**KONTINJEN** Malaysia yang beraksi pada Sukan Paralimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil yang menutup tirai semalam membuktikan bahawa kekurangan bukan penghalang bagi mereka mencipta sejarah dengan memenangi tiga pingat emas dan satu gangsa.

Ketua Kontinjen Malaysia (CDM) ke temasya itu, Dr. Ang Kean Koo memberitahu, pencapaian atlet paralimpik telah memberi inspirasi kepada atlet normal untuk terus berjuang bagi mencapai impian masing-masing.

“Secara peribadi, sebagai CDM saya amat berbangga dan gembira dengan pencapaian keseluruhan di Rio terutama

pasukan olahraga. Prestasi atlet berbasikal, pelayaran dan ping pong juga memberangsangkan, lebih daripada apa yang saya harapkan.

“Acara lain seperti angkat berat, renang, memanah dan tenis berkerusi roda, kami akan gandakan usaha dalam latihan agar mereka dapat mencatat keputusan lebih baik pada temasya Paralimpik akan datang,” katanya.

Tambahnya, pencapaian membanggakan di Rio itu menunjukkan bahawa mereka adalah atlet paralimpik Malaysia yang terbaik.

Katanya, atlet paralimpik telah membuktikan bahawa jika berusaha dan bersungguh-sungguh serta menetapkan sasaran, mereka akan memperoleh kejayaan.

“Kita juga berharap pencapaian di Rio dapat memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia yang kurang upaya supaya tidak mudah mengalah dan buktikan kemampuan mereka.

“Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan jurulatih terutama Majlis Paralimpik Malaysia, Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara yang memberi kerjasama sepenuhnya,” katanya.

Malaysia meraih pingat emas pertama Paralimpik di Rio baru-baru ini, sejak mula menyertai temasya sukan berkenaan di Heidelberg, Jerman pada 1972.

Mohamad Ridzuan Mo-

hamad Puzi menyumbangkan pingat emas bersejarah itu dalam acara 100m T36 lelaki (*cerebral palsy*) selepas mencatat masa 12.07 saat, sekali gus memadamkan rekod Sukan Paralimpik 12.25s milik Roman Pavlyk dari Ukraine yang dilakukan di Beijing pada 2008.

Selepas itu, pemenang pingat gangsa pada Sukan Paralimpik 2012 di London, Muhammad Ziyad Zolkefli mencipta rekod baharu dunia dalam acara lompat peluru F20 lelaki (masalah pembelajaran) dengan jarak lontaran 16.84m untuk pingat emas kedua negara.

Abdul Latif Romly meneruskan langkah cemerlang itu apabila meraih pingat emas ketiga Malaysia selepas memecahkan rekod dunia dalam acara lompat jauh T20 lelaki (masalah pembelajaran) dengan jarak lompatan 7.60m.

Sementara itu, Siti Noor Radiah Ismail menghadihkan pingat gangsa menerusi acara lompat jauh wanita T20 (masalah pembelajaran) dengan rekod baharu Sukan Para Asia menerusi lompatan sejauh 5.20m, mengatasi catatan rekod lama 5.10m.

Pencapaian tiga pingat emas dan satu gangsa itu meletakkan Malaysia di kedudukan ke-36 dalam kalangan 170 negara yang menyertai temasya Paralimpik Rio.

China mengungguli carta pungutan pingat dengan meraih 107 pingat emas, 81 perak dan 51 gangsa, diikuti Great Britain (64-39-44) dan Ukraine (41-37-39). - Bernama

